

AS bimbang penggunaan ketum

7 Oktober 2019

Miliki kesan seperti morfin, digunakan lebih 15.6 juta rakyat negara *Uncle Sam*

AS bimbang penggunaan ketum

TUANA TUHA, Indone-sia – Ketum iaitu sejenis pokok tropika, semakin banyak digunakan sebagai ubat tahan sakit atau opioid di seluruh dunia dalam perkembangan yang membimbangkan Barat terutamanya Amerika Syarikat (AS).

Bagaimanapun, di perkampungan Tuana Tuha, Kalimantan, ketum atau disebut kratom oleh penduduk tempatan dianggap sebagai sumber pendapatan dan kurniaan tuhan, lapor portal berita akhbar *South China Morning Post*.

Ketum atau nama saintifiknya *Mitragyna speciosa*, tumbuh secara semula jadi di Indonesia, Thailand, Malaysia dan Papua New Guinea.

Daunnya mengandungi sejenis bahan kimia yang memberi kesan sama terhadap otak manusia seperti mana dadah jenis morfin, menjadikan ketum ubat herba tradisional popular.

Penggunaan ketum kini dikaji di AS di mana lebih 130 orang meninggal dunia setiap hari akibat pengambilan opioid secara berlebihan.

Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan AS (FDA) sudah mengeluarkan amaran terhadap penggunaan ketum tetapi agensi itu belum melabelkannya sebagai dadah terlarang.

Di Indonesia, agensi narkotik tempatan dan kementerian kesihatan mengklasifikasikan ketum sebagai dadah kelas satu seperti heroin dan kokain. Kesalahan

narkotik di bawah kategori ini membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun.

“Kami sedang memohon Kementerian Kesihatan Indonesia mengklasifikasikan ketum sebagai bahan terlarang kelas satu,” tegas timbalan pegawai pemulihan Agensi Narkotik Kebangsaan Indonesia (BNN), Yunis Farida Oktoris Triana baru-baru ini.

“Bahaya ketum 10 kali ganda lebih buruk daripada kokain dan marijuana. Perbincangan kami masih berjalan,” tambahnya.

Dalam pada itu, Persatuan Ketum Amerika menganggarkan terdapat 15.6 juta pengguna ketum di negara itu sehingga Jun lalu dan industri tersebut kini bernilai lebih AS\$1 bilion (RM4.2 bilion). – Agensi



PIHAK berkuasa kesihatan AS mengeluarkan amaran tentang bahaya penggunaan ketum.